UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PEJABAT BENDAHARI
Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115
Emel: bendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 2 (9)
Rujukan Tuan (Your Ref) :

6 Ogos 2012
17 Ramadhan 1433H

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7/2012**

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**PINDAAN PERATURAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH UTeM**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas peraturan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih UTeM.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2009 bagi memperkemaskan dan menambah baik peraturan mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih.

2.2 Di peringkat Universiti, peraturan di atas telah diguna pakai melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 dengan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 22 Oktober 2009.

2.3 Pada tahun 2010, Kerajaan mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2010 bagi memperjelaskan mengenai peraturan dan syarat Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih selaras dengan perkembangan teknologi telekomunikasi semasa dan keperluan lain. Penjelasan ini tidak meminda apa-apa peraturan yang telah ditetapkan dan merupakan tambahan penjelasan bagi perkara-perkara yang dinyatakan.

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 4/2012 telah mengesahkan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2010 pada 26 Julai 2012.

## 3.0 PINDAAN

3.1 Selaras dengan pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2010, berikut adalah tambahan penjelasan bagi perenggan yang berkaitan:

| Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 | Penjelasan dan pindaan |
|---|---|
| 4.5 Caj Panggilan | Bayaran caj panggilan yang ditanggung oleh UTeM bagi pegawai yang layak termasuk caj panggilan suara, caj panggilan data (mengakses *internet*, muat turun dan seumpamanya), penggunaan e-mel, SMS, MMS dan bayaran bulanan perkhidmatan *Blackberry* (BES/BIS). |
| 4.5.1.2 Bayaran laluan dan lain-lain jika berkaitan akan ditanggung sepenuhnya oleh UTeM | 1) Contoh caj-caj tambahan yang boleh dibayar merangkumi pengaktifan perayauan antarabangsa *(international roaming), value added services (call waiting, voice telemanager, Calling Line Indentification Restriction (CLIR), call divert* dan seumpamanya), bil terperinci, duti setem dan cukai perkhidmatan.<br><br>2) Universiti tidak dibenarkan untuk membayar apa-apa caj yang berkaitan dengan perolehan atau pembelian alat komunikasi mudah alih seperti bayaran pendahuluan, bayaran ansuran pembelian alat, caj tambahan bagi pakej alat komunikasi mudah alih bersekali dengan talian dan insurans. |

| Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 | Penjelasan dan pindaan |
|---|---|
| Perkara 4.5.1.3, 4.5.2, 4.5.3, 4.5.4 dan 4.5.5 Kelayakan jumlah bayaran caj panggilan bulanan | 1) Universiti akan membayar caj panggilan mengikut kadar kelayakan maksimum pegawai bagi bil bulan semasa sahaja (caj semasa).<br><br>2) Universiti tidak akan menanggung kos bayaran denda yang dikenakan atas sebab pelanggaran kontrak dengan syarikat telekomunikasi, tunggakan bayaran sebelumnya atau bayaran-bayaran lain yang menjadi tanggungjawab pegawai untuk menyelesaikannya. |

3.2 Bagi tujuan pembayaran, caj bulanan akan dibayar berdasarkan **penggunaan pada bulan semasa sahaja**. Penggunaan semasa ini adalah berdasarkan keterangan di dalam jadual di atas perkara 4.5.

3.3 Pemohon juga dinasihatkan supaya mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Dilampirkan contoh-contoh pembayaran caj bulanan berdasarkan bil-bil yang dilampirkan.

## 4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan pekeliling ini **dipatuhi sepenuhnya**.

4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**KHAIRUL BIN TAIB**
Bendahari
Pejabat Bendahari
06-555 2006

MHU/E/PejabatBendahari/2012/AP-06082012

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



**KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN**
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
**www.utem.edu.my**

Lampiran

1) Formula untuk proses pembayaran

    i) Caj penggunaan (Chargeable usage) + Cukai Perkhidmatan > Kadar Kelayakan
    = Bayar mengikut kadar kelayakan

    ii) Caj penggunaan (Chargeable usage) + Cukai Perkhidmatan < Kadar Kelayakan
    = Bayar mengikut caj penggunaan + cukai

2) Berikut adalah contoh bil dan pengiraan

    i) Contoh 1

posit : RM0.00
eference No : 445076748
Package : Business Executive 50 (BE 50)

**MY ACCOUNT STATEMENT**

| Description | Overdue Charges | Due Date | Current Charges | Due Date | Total |
|---|---|---|---|---|---|
| Amount(RM) | 0.00 | | 134.30 | 10/06/2012 | 1 |

**Account Summary**

| Previous Charges | RM |
|---|---|
| Previous Balance | 95.35 |
| Payment Received - Thank You | -95.35 |
| Adjustments | 0.00 |
| Overdue Charges | 0.00 |

| Current Charges | RM |
|---|---|
| One Time Charges | 0.00 |
| Monthly Charges | 55.07 |
| Chargeable Usage | 149.97 |
| Discounts & Rebates | -77.59 |
| 6% Service Tax | 6.85 |
| Current Charges | 134.30 |
| Rounding Adjustment | 0.00 |
| Total Amount Due | 134.30 |

**Updates / Latest Promotions**

From May 1st 2012, you'll automatically enjoy a rec roaming rate of just 45sen/SMS when you use M1 i Singapore.

Enjoy a flat call rate of 98sen/min,SMS AXIATA RO 28882 or dial *111#. Select Request Service in M'sia Roaming & IDD when abroad & use these networks:M1(S'pore),XL(Indo),Hello(Cambodia),Rol esh) & Dialog(Sri Lanka). Visit www.celcom.com.my info.

KUTIPAN CELCOM

01/06/2012

TRANSID: 1001540704

AMAUN(RM): ***134.30

Kelayakan = RM100
Caj penggunaan = RM149.97
Cukai = RM6.85
Jumlah yang dibayar = RM100 kerana (Guna > Kelayakan)

ii) Contoh 2

| | | |
|---|---|---|
| ...posit | : | RM0.00 |
| ...ference No | : | 434497472 |
| ...ackage | : | Minutes Postpaid-C250 |

www.celcom.com.my
Fax 03 363 088 89

**MY ACCOUNT STATEMENT**

| Description | Overdue Charges | Due Date | Current Charges | Due Date | Total Amount Due |
|---|---|---|---|---|---|
| Amount(RM) | 0.00 | | 130.80 | 18/03/2012 | 130.80 |

**Account Summary**

| Previous Charges | RM |
|---|---|
| Previous Balance | 125.80 |
| Payment Received - Thank You | -125.80 |
| Adjustments | 0.00 |
| Overdue Charges | 0.00 |

| Current Charges | RM |
|---|---|
| One Time Charges | 0.00 |
| Monthly Charges | 121.00 |
| Chargeable Usage | 6.24 |
| Discounts & Rebates | 0.00 |
| 6% Service Tax | 3.56 |
| Current Charges | 130.80 |
| Rounding Adjustment | 0.00 |
| Total Amount Due | 130.80 |

**Updates / Latest Promotions**

ULASAN

5. ... perjanjian/Pesanan Tem-... /surat kelulusan/nota se-... /surat penjelasan diserakan.
6. Rujukan Perjanjian ............
7. Bil-bil berkenaan telah disemak/ ... dibayar dan mengikut ... 
* Tandakan (✓) apabila tindakan telah diambil atau beri ulasan.

DISAHKAN DAN DIAKUI UNTUK PEMBAYARAN
Tandatangan : ...............
Nama : ............... ZULKIF...
Jawatan & Cop : ...............
Pejabat Hal Ehwal ...
Universiti Teknikal ...

**Rewards & Savings**

Untuk mendapatkan lebih ganjaran & penjimatan, layari ...

Kelayakan = RM80
Caj penggunaan = RM6.24
Cukai = RM3.56
Jumlah yang dibayar = Mengikut penggunaan sebab (Guna < Kelayakan)
= RM6.24 + 3.56
= RM9.80

3) Berikut adalah perkara-perkara yang ditolak
   i) Caj broadband
   ii) Pakej Famili
   iii) GPRS 1.5GB Bundle
   iv) Perkara selain dari senarai caj penggunaan